

Geopolitik Etnik dan Tingkah Laku Politik di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Perlis, Perlis

Ethnic Geopolitics and Political Behavior in State Legislative Assembly Area of Kuala Perlis, Perlis

Nur Insyierah Man
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: ljab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Apabila menjelang pilihan raya, pelbagai jenis konflik akan timbul antara parti politik yang bertanding terutamanya apabila dalam membentuk gabungan dalam pakatan. Dengan ini, kita dapat melihat pelbagai tingkah laku yang akan wujud dalam kalangan para pengundi apabila memilih calon yang selayaknya untuk membentuk sesebuah kerajaan. Hal ini berlaku apabila tahap pengetahuan dan kefahaman masyarakat terhadap konsep geopolitik etnik di sesebuah kawasan tersebut. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis geopolitik etnik dan tingkah laku politik di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Perlis, Perlis. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual, pemerhatian di lapangan dan rujukan sumber sekunder. Penganalisan data dilakukan melalui perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0. Hasil kajian mendapati bahawa hanya 30 peratus responden yang tahu mengenai konsep geopolitik etnik dan selebihnya iaitu 70 peratus responden tidak tahu mengenai konsep tersebut. Seterusnya, tahap kefahaman berkaitan konsep geopolitik etnik ini hanyalah 22 peratus dalam kalangan responden dan selebihnya tidak faham iaitu 44 peratus serta tidak pasti berkaitan konsep tersebut adalah sebanyak 34 peratus. Seterusnya, 39 peratus daripada responden yang berminat dengan politik di kawasan tersebut manakala selebihnya tidak berminat dengan politik iaitu 62 peratus kerana bagi mereka politik pada masa ini amat merumitkan dan tidak stabil. Hasil kajian juga mendapati bahawa 46 peratus responden akan memilih parti politik yang meletakkan calon yang sama etnik dengan mereka dan 32% responden juga tidak setuju dengan perkara tersebut. Secara kesimpulannya, kajian ini amat penting kerana ia dapat membantu dalam menambah ilmu pengetahuan, menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya di kawasan kajian dan juga diharap dapat menjadi rujukan kepada parti politik dan pihak kerajaan supaya dapat meneliti isu dan permasalahan yang berlaku agar lebih peka dalam memenuhi keperluan masyarakat sebaik mungkin.

Kata kunci: geopolitik, etnik, tingkah laku, pengundi, pilihan politik

ABSTRACT

When the elections are approaching, various types of conflicts will arise between the competing political parties, especially when it comes to forming alliances in alliances. With this, we can see various behaviors

that will exist among the voters when choosing the right candidate to form a government. This happens when the level of knowledge and understanding of the community towards the concept of ethnic geopolitics in an area. Thus, the purpose of writing this paper work is to analyze ethnic geopolitics and political behavior in the Kuala Perlis, Perlis. In this study, it uses field data collection methods that involve questionnaires, interviews, observations in the field and references to secondary sources. Data analysis is done through software the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0. The results of the study found that only 30 percent of respondents knew about the concept of ethnic geopolitics and the rest, 70 percent of respondents did not know about the concept. Next, the level of understanding related to this concept of ethnic geopolitics is only 22 percent among the respondents and the rest do not understand which is 44 percent and are not sure about the concept is as much as 34 percent. Next, 39 percent of the respondents are interested in politics in the area while the rest are not interested in politics which is 62 percent because for them politics at the moment is very complicated and unstable. The results of the study also found that 46 percent of respondents will choose a political party that puts up a candidate of the same ethnicity as them and 32 percent of respondents also disagree with the matter. In conclusion, this study is very important because it can help in increasing knowledge, adding data related to the study of election politics in the study area and it is also hoped that it can be a reference for political parties and the government so that they can examine the issues and problems that occur in order to be more sensitive in meet the needs of the community as best as possible.

Keywords: *geopolitics, ethnicity, behavior, voters, political choices*

1. Pengenalan

Terdapat beberapa jenis sistem pemerintahan yang wujud di dunia ini. Antaranya ialah Demokrasi, Republik, Monarki, Autokrasi dan lain-lain lagi. Hal ini demikian kerana sesebuah negara tersebut perlulah mempunyai sistem pemerintahannya yang tersendiri agar dapat mentadbir negara itu dengan baik dan dapat memberikan keamanan kepada negara serta rakyat yang mendiami negara tersebut. Kebanyakan negara lebih memilih untuk mengamalkan sistem pentadbiran yang berasaskan demokrasi. Contohnya Thailand, Filipina, Jepun, India, Korea Selatan dan lain-lain lagi serta tidak terkecuali negara kita iaitu Malaysia. Seperti yang kita dapat lihat Malaysia diterajui oleh sistem pemerintahan yang berbentuk Sistem Demokrasi Berparlimen. Kerajaan yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi seperti ini, dapat memberikan peluang kepada rakyat untuk membentuk kerajaan melalui pilihan raya (Masni 2010).

Pilihan raya yang dilaksanakan oleh Malaysia ini telah membolehkan rakyat Malaysia memilih sendiri wakil atau calon yang bertanding supaya dapat mentadbir negara dengan baik dan cekap. Di Malaysia, fenomena politik merupakan isu utama yang panas dan menarik untuk dibincangkan dalam komuniti masyarakat pada masa kini kerana tahap pengetahuan dan kefahaman politik yang wujud dalam kalangan masyarakat amatlah bertentangan serta bercanggah antara satu sama lain lebih-lebih lagi apabila semakin bertambah parti politik di negara ini. Apabila menjelang Pilihan Raya Kecil (PRK) dan Pilihan Raya Umum (PRU), situasi di Malaysia akan semakin rancak kerana pada waktu itulah akan berlakunya berbagai-bagai pertikaian antara parti pemerintah dengan pembangkang untuk mempertahankan kepentingan dan hak parti masing-masing terutamanya apabila berlaku pembahagian kerusi pilihan raya. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji tahap pengetahuan dan kefahaman rakyat terhadap konsep geopolitik etnik di kawasan DUN Kuala Perlis, yang akan dijelaskan ruang lingkup kajian agar dapat memandu kajian ini bagi memenuhi tiga objektif khusus kajian yang telah digariskan.

2. Sorotan literatur

Bagi kajian lepas luar negara, kajian oleh Rios iaitu 'Political Change in Jalisco, Mexico' (2015) menunjukkan bahawa karya panorama yang mementingkan peralihan demokratik di peringkat

subnasional. Dalam karya ini, penulis lebih memfokuskan pada struktur kewibawaan rejim politik tempatan. Melalui penghasilan penulisan ini, kerangka yang digunakan adalah kerangka analisis yang dikemukakan oleh Leonardo Morlino. Karya ini juga, akan menganalisis dokumen dan menerangkan kerangka politik serta institusi pemerintah yang terbahagi dan bersatu, hubungan antara kuasa, antara aspek lain.

Najmuddin Mohammad Rasul et al. (2015) dalam kajian yang bertajuk 'Penggunaan Media, Norma Kewarganegaraan dan Partisipasi Politik dalam Era Transisi ke Demokrasi di Indonesia' bertujuan untuk melihat bagaimana hubungan antara penggunaan media dan perubahan norma kewarganegaraan dan penyertaan politik. Dalam artikel tersebut, kajian ini lebih mengfokuskan kepada perubahan norma kewarganegaraan dalam konteks perkembangan teknologi komunikasi dan sejauhmana hal tersebut dapat mempengaruhi penyertaan politik dalam konteks Indonesia menuju peralihan demokrasi. Hasil dalam kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan jantina, umur serta latar belakang pendidikan daripada responden yang terpilih tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penggunaan media dan perubahan norma kewarganegaraan.

Meesuwan (2016) dalam artikelnya yang bertajuk 'The Effect of Internet Use on Political Participation: Could the Internet Increase Political Participation in Thailand?' telah mengkaji tentang perkaitan antara internet dengan partisipasi politik di Thailand. Dalam artikel penulisan beliau, ia telah menyatakan bahawa parti politik yang terlibat akan bergiat secara aktif dalam berkempen menerusi 'online' kerana ia dapat mengurangkan kos perbelanjaan untuk berkempen berbanding dengan tahun sebelum ini. Hasil analisis dalam penulisan artikel ini, ia telah membuktikan bahawa parti politik yang aktif dalam media sosial lebih dikenali ramai, lebih mendapat perhatian dan mempunyai pengaruh yang ramai serta maklumat yang disampaikan kepada golongan pengundi lebih berkesan dan cepat. Jelaslah bahawa, politik atau berkempen secara online ini dapat mengukuhkan lagi sistem demokrasi di Thailand.

Kajian János, László & Kampis (2016) yang bertajuk 'Political Parties on Facebook' mengkaji tentang rangkaian *suka* terhadap parti politik Hungary. Dalam rangkaian ini telah mengandungi rangkaian *suka* Facebook bagi tujuh pihak dan ia juga terdapat 3,204 nod dan 28,770 tepi (edge) dalam rangkaian tersebut. Hipotesis bagi kajian ini menunjukkan bahawa pihak tersebut akan berusaha memperluaskan lagi rangkaian mereka supaya dapat menjangkau lebih banyak orang dengan lebih jauh lagi. Dapat kita lihat bahawa penggunaan tanda *suka* dan aktiviti posting merupakan salah satu faktor yang paling relevan dalam pertumbuhan rangkaian. Tetapi hasil penyelidikan pengkaji telah bertentangan dengan hipotesis ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, pihak parti politik telah membentuk satu komuniti tertutup dalam rangkaian dan mempunyai pengguna sendiri serta perkiraan ERGM menunjukkan bahawa faktor tersebut tidak berpengaruh dalam pengembangan hubungan.

Kajian oleh Hisham Kamal, Nor Azizan dan Zarina dalam artikelnya yang bertajuk 'Peranan Dan Tanggungjawab Antarabangsa China Sebagai Negara Berkuasa Besar' (2016) membincangkan tentang peranan dan tanggungjawab antarabangsa yang dipikul oleh China sebagai sebuah negara berkuasa besar. Dalam artikel ini juga, penulis telah menghuraikan tiga persoalan iaitu bagaimana dunia perlu memahami peranan China sebagai satu kebangkitan kuasa, gambaran sesuai tanggungjawab China terhadap masyarakat antarabangsa, dan sikap yang dipamerkan oleh China sebagai sebuah kuasa yang semakin meningkat. Artikel ini juga menyebut bahawa sejak China melaksanakan dasar transformasi dan pintu terbuka kepada dunia luar pada penghujung tahun 1970an, China telah mencapai Keluaran Negara Kasar (KNK) yang sangat memberangsangkan sehingga menjadikan China sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar dunia serta merupakan penggerak utama pertumbuhan ekonomi serantau serta global. China juga melakukan kebangkitannya melalui ekonomi politik yang berterasakan keamanan kerana ia merupakan langkah transformasi penting dalam mengadaptasi corak ekonomi politik yang sesuai dengan bagi memenuhi kepentingan mereka.

Bagi kajian lepas dalam negara, Junaidi et al. (2012) yang mengkaji ‘Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia’ menyingkap beberapa persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 dalam artikelnya. Dalam artikel ini menjelaskan bahawa kajian soal selidik telah dijalankan dengan jumlah responden seramai 3,484 orang responden. Hasil kajian ini mendapati bahawa dari segi kriteria atau parameter pemilihan calon, 35.9 peratus responden menyatakan mereka lebih memilih seorang calon yang jujur, ikhlas dan amanah serta parti yang lebih mengutamakan rakyat. Seseorang calon yang mempunyai ciri tersebut akan menjadi pilihan utama kepada mereka agar dapat pemerintah dalam sesebuah kerajaan tersebut.

Khairul Arifin (2019) dalam pembentangan slaid yang bertajuk “Pasca PRU 14: Analisis Keputusan PRK & Kesannya Terhadap Landskap Politik Malaysia” menjelaskan bahawa wujudnya cabaran dalam mengurus persepsi, realiti dan inisiatif atau tindakan bagi pihak yang berkuasa setelah menang dalam sesuatu pilihan raya. Selain itu, telah berlaku juga dinamika pengundi, iaitu sokongan kepada parti politik dari segi birokrat (polis, tentera dan penjawat awam), segmen umur (muda dan tua), kaum, tempat tinggal, kecenderungan parti dan jantina. Dengan ini, ia menunjukkan bahawa trend pengundi BN dan PAS dari segi kerjasama politik dapat mempengaruhi keputusan pilihan raya dan status quo parti pasca PRU 2018 seperti PRK Semenyih dan Rantau adalah kekal.

Menurut kajian ‘Krisis Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 Di Malaysia: Suatu Analisis ‘Tsunami Politik Bandar’ (2014) oleh Junaidi et al., menyatakan dalam kajiannya bahawa PRU pada tahun 2013 adalah PRU yang paling sengit dalam sejarah PRU di Malaysia ia juga disifatkan sebagai ‘ibu’ kepada kesemua 13 PRU yang telah dijalankan di negara ini. Dalam artikel ini juga, ia lebih memfokuskan faktor yang menyebabkan berlakunya ‘tsunami politik bandar’ dalam PRU 2013 di Malaysia. Antara faktor yang berlaku dalam PRU 2013 adalah akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti *facebook*, *twitter*, laman web, blog dan juga SMS dan ia juga merupakan faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional serta pengundi muda kepada PR. Disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi, manifesto PR telah berjanji untuk menurunkan harga bahan api dan menurunkan harga kereta menyebabkan pengundi memilih parti tersebut. Selain itu, mereka juga berjanji untuk mewujudkan pentadbiran yang lebih adil dan telus dan ia sekali gus menjadikan faktor tersebut sebagai kemenangan PR dalam PRU-13 di kawasan bandar.

Menurut kajian Mior Kamarulbaid & Afiqah (2015) iaitu ‘Kesan Penggunaan Media Sosial Terhadap Perpaduan Ummah Di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia’ menunjukkan bahawa media sosial merupakan media yang mampu memberikan kesan positif kepada masyarakat tetapi ia juga akan memberikan kesan buruk juga. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat pada masa ini mulai berpecah kerana telah wujudnya perbezaan fahaman politik. Seperti yang kita dapat lihat, perpaduan ummah di negara ini semakin hari semakin pudar disebabkan oleh budaya fahaman politik yang berteraskan dendam dan benci telah mendominasi kerangka masyarakat sehingga sanggup melakukan apa sahaja terhadap kuasa. Kajian ini lebih memfokuskan untuk membincangkan bagaimana fahaman politik yang berlainan di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia boleh memberi kesan terhadap perpaduan “Ummah”.

Menurut Junaidi (2016) melalui penulisan artikel jurnalnya yang bertajuk “Perkaitan Sumber Maklumat dengan Sokongan kepada Parti Politik”, beliau menyatakan bahawa akses sumber maklumat melalui pembacaan dan maklum balas terhadap sesuatu maklumat akan mempengaruhi pendirian seseorang sama ada bersikap percaya sepenuhnya ataupun menafikan maklumat yang diperoleh tersebut.

Bagi kajian lepas Negeri Perlis, menurut Dharmala dalam artikelnya ‘Dari Pra Pasca Merdeka Kronologi Kepimpinan Perlis’ (2009) menerangkan tentang kronologi kepimpinan di negeri Perlis bermula dengan gerakan nasionalisme Persatuan Melayu Perlis 1940-an atau 1950-an, kepimpinan

UMNO Perlis, politik pilihan raya 1955-2004 serta Raja Berperlembagaan di Perlis. Menurut beliau, walaupun negeri Perlis tersebut agak terpinggir dari segi kajian politik kepimpinan dan pilihan raya disebabkan oleh kedudukannya yang jauh di utara serta merupakan negeri terkecil di negara ini namun terdapat peristiwa ‘politiking’ yang berlaku di Perlis yang tidak cuba dikaji serta didokumenkan oleh penyelidik atau pihak yang berkenaan.

Rashidi (2014) dalam disertasi sarjana beliau yang bertajuk ‘Pemasaran Politik di Negeri Perlis: Kajian Terhadap Isu-Isu, Calon dan Strategi Berkempen Menjelang Pilihanraya Umum Malaysia Ke-13’ menjelaskan faktor yang boleh mempengaruhi corak pengundian pemilih sepanjang tempoh berkempen dan hari pengundian. Daripada 15 Dewan Undangan Negeri (DUN), 6 kawasan dipilih sebagai lokasi kajian yang terdiri daripada kawasan putih, kelabu dan hitam. Kaedah kajian fenomenologi telah digunakan dalam kajian ini untuk mengutip data kajian dan disusuli dengan temu ramah pemilih serta calon-calon yang bertanding. Kajian ini mendokumenkan elemen pemasaran politik yang telah digunakan sepanjang tempoh berkempen pada PRU ke 13 yang lalu di negeri Perlis.

Mohamed Mustafa, Rohana dan Ravindra (2018) dalam penulisannya ‘Atlas of Political Contestation in the 2013 General Election in Malaysia: A Case of Kedah and Perlis’ menjelaskan bahawa faktor kedudukan di kawasan pedalaman serta faktor kejiranan menyebabkan kawasan DUN Tambun Tulang, Sena, Mata Ayer, Chuping dan Titi Tinggi dimenangi oleh calon BN dengan majoriti yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana telah wujud faktor logistik serta capaian sumber maklumat seperti akses internet yang terhad hingga menyebabkan pengundi di kawasan tersebut hanya bergantung kepada media arus perdana seperti TV1, TV3 atau akhbar Utusan Malaysia yang pro-BN.

Menurut Junaidi (2017 & 2018) dalam artikel yang bertajuk ‘Analisis Geografi Pilihan Raya Negeri Perlis Indera Kayangan, Malaysia’ menyatakan bahawa kajian ini bertujuan untuk menganalisis geografi pilihan raya dengan mengambil Negeri Perlis Indera Kayangan sebagai lokasi kajian yang amat jarang dibincangkan dalam konteks akademik. Dalam artikel ini juga menyebut bahawa Negeri Perlis merupakan negeri yang terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia dengan saiz yang kecil dan penduduk serta pengundi yang tidak ramai hingga menyebabkan negeri ini dipinggirkan dalam konteks analisis politik negara ini. Pengkaji juga menyebut dalam penulisan artikelnya bahawa walaupun Perlis merupakan negeri terkecil dan terencil tetapi ia mempunyai suatu keadaan atau senario yang unik dan menarik untuk dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa dari segi analisis geografi politik dan pilihan raya iaitu saiz negeri Perlis, saiz kawasan DUN dan Parlimen yang kecil dengan jumlah pemilih yang tidak ramai, ia akan menjadikan logistik serta gerak kerja parti politik untuk meraih sokongan adalah lebih mudah.

Junaidi (2021) dalam Bab dalam Buku yang bertajuk ‘Budaya Politik Pilihan Raya di Perlis Dalam PRU-14’ menyatakan bahawa BN terus menguasai DUN atau Kerajaan Perlis kerana parti tersebut senang mengawal kawasan pengundi di negeri tersebut. Ini kerana negeri Perlis kecil dan senang dikawal dengan politik penaungan dan politik pembangunan untuk mengekalkan sokongan kepada parti tersebut. Dari segi faktor sokongan pengundi kepada parti politik pula bergantung kepada kepimpinan negeri dan negara; isu setempat dan isu nasional; calon setempat dan turun padang; kekuatan jentera parti; dana kewangan; ideologi parti; pengalaman dalam politik dan faktor sosiologi seperti pengaruh kekeluargaan, keagamaan dan sebagainya. Dari segi pola pengundian pula menunjukkan bahawa BN dan PAS menguasai kawasan luar bandar dengan sokongan daripada pengundi tegar masing-masing, manakala pada PRU 2018 menunjukkan bahawa parti pembangkang seperti PKR menguasai kawasan bandar iaitu DUN Indera Kayangan dan Sena.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, data yang digunakan adalah data primer dan data sekunder. Kaedah pengumpulan data primer dilakukan melalui kerja lapangan yang melibatkan pengumpulan borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Satu set borang soal selidik telah diedarkan di sekitar kawasan bandar iaitu Seberang Tok Pi dan di sekitar kawasan luar bandar iaitu Padang Besar Selatan. Bentuk soalan yang ditanya adalah berbentuk soalan terbuka dan soalan tertutup.

Seterusnya, kajian yang dilakukan turut menggunakan kaedah temu bual. Satu set borang temu bual yang disediakan bagi mendapatkan maklumat balas tentang kajian yang dikaji. Setiap soalan yang dibekalkan mengandungi persoalan terbuka dan memerlukan pendapat dari responden yang dikaji. Kaedah teknik temu bual ini dijalankan terhadap dua orang yang berlainan parti untuk mendapatkan persepsi dan pandangan mereka terhadap politik. Patton (1990) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Temu bual ini telah dilakukan di Pejabat Parti Politik.

Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di lapangan akan menguatkan lagi ketepatan maklumat dan memberi sokongan mengenai kajian yang dilakukan. Kaedah pemerhatian ini terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian penglibatan dan pemerhatian secara temu bual. Dengan itu, pemerhatian yang dilakukan akan membantu pengkaji untuk melihat dan mengetahui sendiri bagaimana tingkah laku politik dan tahap kefahaman berkaitan geopolitik etnik yang ditonjolkan oleh penduduk di kawasan DUN Kuala Perlis serta memudahkan lagi menjalankan penyelidikan.

Dalam kajian ini, pengkaji turut mendapatkan maklumat menerusi data Statistik Pengundi yang merangkumi aspek kaum, jantina dan juga umur. Selain itu, rujukan Score Sheet Keputusan PRU 2022 mengikut saluran dan daerah mengundi turut dilakukan bagi mengukuhkan lagi kajian ini. Data statistik yang diperolehi adalah daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Melalui data statistik ini, pengkaji boleh melihat keputusan di setiap kawasan DUN. Oleh itu, pengkaji boleh mengetahui jumlah dan kaum terkini dalam daftar pemilih.

Data sekunder pula merujuk kepada data yang telah diolah atau diperolehi dari sumber lain seperti majalah, akhbar dan lain-lain. Kaedah keperpustakaan adalah dengan mendapatkan maklumat yang terdiri daripada data dan rekod seperti bancian penduduk, laporan politik Malaysia, laporan politik Perlis dalam bentuk bahan seperti buku, jurnal, foto dan laporan akademik. Pengkaji melakukan kaedah kajian keperpustakaan iaitu di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSLS). Selain itu, bahan turut diperolehi daripada terbitan tesis yang berkaitan dengan isu kajian untuk dirujuk sebagai panduan.

Kajian atas talian juga dilakukan bagi pencarian maklumat mengenai kajian ini iaitu melalui laman sesawang. Kajian atas talian ini turut digunakan pengkaji dalam mendapatkan maklumat tambahan iaitu diambil dari sumber yang sah dan boleh dipercayai. Sebagai contoh kajian atas talian atas talian seperti e-akhbar, blog, laman sesawang, Instagram, Facebook, Youtube, Skype, Twitter dan Whatsapp. Maklumat atas talian lebih mudah diperolehi di samping lebih terkini berbanding dalam bentuk salinan keras (hardcopy).

3.2 Analisis Data

Teknik menganalisis data menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dilakukan dalam menganalisis data dan maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik. SPSS merupakan paket program yang berguna untuk menganalisis data statistik dimana dapat

digunakan untuk semua fail data dan membuat laporan dalam bentuk taburan, grafik dan plot. Kajian ini menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis data daripada 50 borang soal selidik yang diedarkan bagi mengukuhkan dapatan kajian.

3.3 *Kawasan Kajian*


Mukim Kuala Perlis merupakan salah sebuah mukim yang terdapat dalam Negeri Perlis dan terletak di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kangar. Mukim Kuala Perlis mempunyai keluasan 26.71 kilometer persegi. Mukim Kuala Perlis terletak di bahagian barat daya negeri Perlis bersempadan dengan mukim Kurong Batang, Wang Bintong, dan Kayang dengan koordinatnya 6°23' Utara, 100°07' Timur. Menurut Bancian Malaysia 2010, jumlah penduduk di Mukim Kuala Perlis ialah 20,277 orang dengan kepadatan penduduk 759 orang per kilometer persegi dan dikategorikan sebagai taburan penduduk padat. Penduduk di Kuala Perlis terdiri daripada berbilang kaum, dimana majoriti penduduk berbangsa Melayu iaitu seramai 15,856 orang, kaum Cina pula seramai 3,325 orang, manakala kaum India seramai 163 orang dan lain-lain seramai 329 orang. Terdapat sebanyak 4,257 isi rumah dengan 4,999 tempat kediaman.

Kuala Perlis juga dikenali sebagai pintu masuk ke Pulau Langkawi melalui jalan laut. Di Kuala Perlis juga, perancangan dibuat bagi mewujudkan pusat membeli-belah bebas cukai barangan dari tiga negara seperti Thailand, Indonesia dan Singapura di Bukit Putih yang bakal menjadi pintu masuk utama ke Malaysia. Bukit Kubu di sini juga sangat terkenal dengan gua serta kawasan sekitarnya merupakan tapak peperangan lama antara kerajaan Kedah Tua dan Siam yang menyaksikan banyak nyawa terkorban. Kuala Perlis sangat terkenal dengan pelbagai jenis makanan seperti Laksa Kuala Perlis, Nasi Ganja, Pulut Mangga dan sebagainya. Selain itu, makanan laut yang segar dan sedap turut terdapat di Kuala Perlis seperti ikan, udang, sotong, ketam, dan sebagainya.

Ekonomi penduduk di Kuala Perlis lebih tertumpu kepada perikanan, pertanian, perniagaan dan perkhidmatan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kawasan Kuala Perlis tersebut sesuai untuk dilakukan aktiviti ekonomi seperti itu. Selain itu, sektor perikanan juga giat dalam kalangan penduduk di Kuala Perlis kerana ia Kuala Perlis mempunyai laut. Dengan melalui sektor perikanan tersebut, ia dapat memberikan sumber pendapatan kepada kalangan penduduk di Kuala Perlis. Di Kuala Perlis juga, terdapat jeti atau pangkalan bagi menaikkan hasil tangkapan laut oleh nelayan tersebut. Jeti atau pangkalan tersebut berdekatan dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Seterusnya, penduduk di kawasan Kuala Perlis juga boleh membeli terus hasil laut yang segar di jeti tersebut.

DUN Kuala Perlis (N.09) berkeluasan 21 km persegi dengan 5 kawasan Daerah Mengundi merupakan DUN yang terdapat di Parlimen Kangar dengan pemilih berdaftar seramai 14,717 orang pada PRU-15 (2022) (Rujuk Rajah 1). Dari segi komposisi etnik, kawasan DUN Kuala Perlis mempunyai 77.75% etnik Melayu, 20.77% etnik Cina, 0.14% etnik India dan 1.34% iaitu selebihnya adalah etnik lain.

Kajian ini dijalankan di DUN Kuala Perlis kerana ingin melihat sendiri situasi tahap pengetahuan dan kefahaman responden terhadap konsep geopolitik etnik yang berlaku dalam kawasan tempat tinggal pengkaji. Kawasan kajian yang berdekatan dengan tempat tinggal akan memudahkan pengkaji untuk mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Kawasan ini mempunyai jumlah bilangan penduduk kira-kira seramai 20,277 orang. Dengan itu, pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik di sekitar kawasan bandar iaitu Seberang Tok Pi dan di sekitar kawasan luar bandar iaitu Padang Besar Selatan. Selain mengedarkan borang soal selidik, pengkaji juga akan menemu bual beberapa orang informan yang menetap atau bekerja di kawasan kajian untuk mendapatkan beberapa maklumat berkaitan kajian tersebut.



RAJAH 1: Peta kawasan DUN (N.09) Kuala Perlis, Perlis

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2022

Semasa PRU-13 pada tahun 2013, Barisan Nasional telah memenangi kerusi DUN di Kuala Perlis dengan mengalahkan dua calon iaitu calon BEBAS dan PKR. Mat bin Hassan daripada BN telah memenangi dengan memperoleh 4,758 undi. Bagi PKR pula, sebanyak 3,374 diperoleh Noor Amin bin Ahmad, manakala Shaari bin Ludin daripada calon BEBAS mendapat undi yang paling sedikit iaitu hanya 191 undi sahaja (Mstar 2013).

Semasa PRU-14 (2018) pula, Parti Keadilan Rakyat (PKR) melalui calonnya iaitu Nor Azam Karap telah memenangi seterusnya menawan kerusi DUN Kuala Perlis dengan memperoleh 4,253 (40%) iaitu dengan majoriti 1,254 undi. Beliau telah mengalahkan dua orang calon lain daripada BN dan PAS yang bertanding pada PRU-14 tersebut. Antaranya daripada Barisan Nasional iaitu Cikgu Azam yang mendapat 2,999 undi (28%) manakala bagi calon PAS pula iaitu Mohamad Fuat mendapat 1,066 undi bersamaan 10%. Semasa PRU-14 ini, bilangan pengundi berdaftar dalam DUN Kuala Perlis adalah 10,654 orang. Kemudian pada PRU-15, 2022, calon PN/BERSATU iaitu Abu Bakar Hamzah menang dengan memperoleh 3,207 undi iaitu dengan majoriti 154 undi menewaskan calon PH/PKR iaitu Nor Azam Karap (3,053 undi), calon BN/UMNO iaitu Kamarudin Malik (2,145 undi), calon Bebas iaitu Azahar Ahmad (2,197 undi), dan calon WARISAN iaitu Muhamad Hair (2,181 undi). Undi rosak sebanyak 136 undi dan 73.5 peratus keluar mengundi.

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif khusus kajian yang berkaitan dengan Geopolitik Etnik dan Tingkah Laku Politik di Kawasan DUN Kuala Perlis, Perlis. Tiga objektif khusus yang akan dianalisis dalam kajian ini adalah berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kefahaman responden terhadap konsep geopolitik, tingkah laku politik responden di kawasan kajian dan akhir sekali, menganalisis pengaruh menganalisis pengaruh geopolitik etnik terhadap sokongan politik responden di kawasan DUN Kuala Perlis, Perlis.

4.1 Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Terhadap Konsep Geopolitik Etnik

4.1.1 Pengetahuan mengenai konsep Geopolitik Etnik

Pengetahuan mengenai konsep Geopolitik Etnik dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya di kawasan kajian tidaklah bergitu didedahkan oleh mana-mana pihak kerana bagi mereka perkara ini tidak penting dalam politik walhal perkara tersebut amatlah penting terutamanya kepada calon yang bertanding supaya dapat mengetahui berkaitan Geopolitik Etnik di sesebuah kawasan tersebut.

Hasil analisis soal selidik di dua kawasan bagi DUN Kuala Perlis iaitu Seberang Tok Pi dan Padang Besar Selatan menunjukkan bahawa sebanyak 30 peratus responden mengetahui mengenai konsep Geopolitik Etnik tersebut manakala selebihnya iaitu 70 peratus responden tidak tahu mengenai konsep Geopolitik Etnik tersebut. Hal ini kerana, konsep tersebut sangat sukar difahami oleh responden di dua kawasan tersebut terutamanya golongan tua. Selain itu, perkara ini juga berlaku disebabkan oleh faktor tahap pendidikan kerana tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan responden menyebabkan mereka tidak terlalu mengetahui berkaitan konsep Geopolitik etnik tersebut dan hanya berberapa orang sahaja yang mengetahuinya. Oleh itu, konsep Geopolitik Etnik ini tidak terlalu didedahkan oleh mana-mana pihak dalam kalangan penduduk di kawasan DUN Kuala Perlis.

Menurut YB Tuan Abu Bakar Hamzah (YB ADUN Kuala Perlis, PRU-15), beliau menyatakan bahawa:

“Tahu. Geopolitik etnik ini bererti keseragaman dalam masyarakat atau ia juga dikenali sebagai landskap politik masyarakat. Perlis telah mengubah landskap politiknya daripada kerajaan BN kepada PN. Landskap politik yang telah berubah ini sekali gus telah mengubah geopolitik etnik di Negeri Perlis”.

(YB Tuan Abu Bakar Hamzah, 8 Mac 2023).

Menurut Tuan Nor Azam Karap (Mantan ADUN Kuala Perlis, PRU-15), beliau menyatakan bahawa:

“Tahu. Geopolitik etnik adalah keadaan dimana sesebuah negara atau kawasan dipengaruhi oleh faktor taburan komposisi etnik atau berbilang kaum yang terdiri daripada Cina, India, Melayu dan lain-lain. Menurut beliau, konsep geopolitik etnik di kawasan DUN Kuala Perlis ini tidak terlalu banyak isu kerana dari dulu sampai sekarang tidak ada masalah perkauman kerana penduduk berbangsa melayu boleh bercampur kaum-kaum lain seperti Cina. Hal ini kerana, pekerjaan penduduk Kuala Perlis berasaskan laut dan dikuasai oleh kaum cina dimana pekerja-pekerjanya juga terdiri daripada bangsa Melayu”.

(Tuan Nor Azam Karap, 21 Mac 2023).

4.1.2 *Kefahaman terhadap konsep Geopolitik Etnik*

Kefahaman terhadap konsep Geopolitik Etnik amat penting supaya masyarakat dapat memahami sepenuhnya berkaitan konsep Geopolitik Etnik. Walaupun sesetengah responden tahu tentang konsep Geopolitik Etnik tersebut tetapi mereka masih tidak dapat memahami sepenuhnya konsep tersebut. Hal ini kerana hasil daripada analisis tersebut menunjukkan bahawa hanya 22 peratus responden sahaja yang memahami tentang konsep Geopolitik Etnik itu manakala 44 peratus tidak faham akan konsep tersebut dan selebihnya 34 peratus responden tidak pasti dengan konsep Geopolitik Etnik tersebut. Beberapa responden telah menyatakan berkaitan kefahaman konsep tersebut berdasarkan pengetahuan serta fahaman mereka sendiri berkaitan konsep Geopolitik Etnik itu. Antaranya adalah ia merupakan isu mengenai faktor geografi dalam politik, ada juga responden yang menyatakan fahaman mereka mengenai konsep tersebut seperti kajian mengenai politik sesebuah kawasan yang mempunyai sebuah tempat untuk dijadikan rujukan ilmiah yang mewakili kawasan setempat. Ada juga responden yang menyatakan bahawa konsep ini seperti kepentingan politik yang berdasarkan geografi bagi mengukur kaum di sesuatu tempat. Hasil yang didapati daripada analisis yang telah dibuat, ia menunjukkan berbagai-bagai fahaman yang telah dinyatakan oleh responden berkaitan konsep geopolitik etnik kerana setiap orang mempunyai fahamannya tersendiri berkaitan sesuatu perkara tersebut.

Menurut YB Tuan Abu Bakar Hamzah (YB DUN Kuala Perlis, PRU-15), beliau menyatakan bahawa:

“Faham. Memahami tentang konsep geopolitik etnik ini amat penting kerana kita ingin mengetahui kehendak masyarakat. Konsep geopolitik etnik ini sangat penting bagi calon-calon yang bertanding supaya dapat memenangi kerusi. Selain itu, ia juga perlu difahami kerana ingin menyelami jiwa masyarakat dan ingin mengetahui kehendak setiap masyarakat tersebut supaya dapat memenuhi setiap permintaan masyarakat masa ada secara langsung atau tidak langsung”.

(YB Tuan Abu Bakar Hamzah, 8 Mac 2023).

Menurut Tuan Nor Azam Karap (Mantan ADUN Kuala Perlis, PRU-15), beliau menyatakan bahawa:

“Faham. Terdapat masalah dalam geopolitik etnik ini menyebabkan sesuatu pembinaan bangsa tidak akan berjaya jika sentiasa dimomokkan dengan hanya satu pihak yang memonopoli sesuatu perkara tersebut terutamanya dalam politik. Hal ini kerana, politik yang berasaskan etnik ini perlu diubah. Saya tidak berminat untuk bermain dengan politik etnik ini kerana saya lebih bergantung atas apa yang kita hendak membentuk Malaysia itu sendiri. Jika berterusan kita membentuk Malaysia dengan hanya memainkan isu bangsa dan kaum sehingga memberi kesan yang tidak baik dan buruk terhadap negara serta rakyatnya, saya tidak akan bersetuju konsep tersebut penting untuk strategi politik parti politik dalam sesuatu pilihan raya”.

(Tuan Nor Azam Karap, 21 Mac 2023).

4.2 *Tingkah Laku Politik*

4.2.1 *Jenis partisipasi dalam politik pilihan raya*

Dalam menilai tingkah laku politik, jenis partisipasi yang terlibat dalam politik pilihan raya turut dianalisis. Hal ini kerana partisipasi politik adalah keupayaan dalam menyuarakan pendapat berkaitan politik secara dalam talian (*online*) dan juga secara luar talian (*offline*). Partisipasi politik secara *online* adalah dengan menghantar *e-mail* yang berkaitan politik, *posting* berkaitan politik atau komen politik pada blog serta mengikuti perkembangan ahli politik dalam media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Partisipasi politik secara *offline* atau luar talian pula, termasuk aktiviti seperti menghadiri perhimpunan, menderma kepada calon yang bertanding, bercakap tentang isu atau parti politik dan sebagainya (Towner 2013). Jadual 1 menunjukkan beberapa cara partisipasi pengundi di kawasan DUN Kuala Perlis dalam politik pilihan raya yang telah dianalisis dalam kajian ini.

JADUAL 1: Cara partisipasi dalam politik pilihan raya (peratus)

Bil	Jenis partisipasi dalam politik	Ya	Tidak
1.	Mengundi parti politik	100	0
2.	Mendengar ceramah politik	52	48
3.	Menjadi petugas hari mengundi seperti di kaunter pendaftaran, sebagai penunjuk arah bilik mengundi, berkawal di bilik mengundi dan di kaunter bilik mengundi yang dilantik SPR	16	84
4.	Berkempen untuk parti politik	12	88
5.	Menjadi Pegawai seperti Pegawai Pengurus, Ketua Tempat Mengundi, Ketua Saluran Mengundi dan sebagainya di tempat mengundi yang dilantik SPR	10	90
6.	Menjadi ahli parti politik	6	94
7.	Menyertai hari penamaan calon	6	94
8.	Menjadi Ejen Mengundi / <i>Polling Agents</i> (PA)	6	94
9.	Memberi ceramah politik	2	98
10.	Menjadi pekerja parti politik	2	98

11.	Membiayai/menyumbangkan duit atau material kepada parti politik	2	98
12.	Menjadi Ejen Pengira/ <i>Counting Agents</i> (CA)	2	98
13.	Menjadi Ejen Barong/ <i>Barung Agents</i> (BA)	2	98

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 1 menunjukkan cara partisipasi dalam politik pilihan raya yang telah disertai oleh responden di kawasan DUN Kuala Perlis. Seramai 100 peratus responden menyatakan 'Ya' terhadap partisipasi 'Mengundi parti politik semasa pilihan raya'. Hal ini kerana pengundi di kawasan tersebut menyatakan bahawa mengundi parti politik semasa PRU-15 merupakan tanggungjawab mereka sebagai seorang pengundi di Malaysia supaya dapat membentuk kerajaan baru yang lebih baik dan adil. Hasil daripada analisis ini menunjukkan bahawa mengundi parti politik amat penting dalam kalangan pengundi di kawasan DUN Kuala Perlis.

Seterusnya, cara partisipasi dalam politik pilihan raya yang telah disertai oleh responden di kawasan tersebut adalah 'Mendengar ceramah politik' iaitu 52 peratus responden telah menyertainya. Hal ini kerana melalui penyertaan tersebut responden dapat mengetahui sedikit sebanyak mengenai sesebuah parti politik tersebut iaitu dari segi manifesto yang dilakukan oleh parti politik yang terlibat tersebut. Selain itu, menyertai ceramah politik juga dapat memberikan pengetahuan yang baru kepada seseorang terutamanya berkaitan politik dan ia juga dapat memudahkan responden untuk memilih parti politik atau calon yang layak untuk membentuk kerajaan baru.

Akhir sekali, partisipasi dalam politik pilihan raya yang telah disertai oleh responden di kawasan DUN Kuala Perlis adalah 'menjadi petugas hari mengundi seperti di kaunter pendaftaran, sebagai penunjuk arah bilik mengundi, berkawal di bilik mengundi dan di kaunter bilik mengundi yang dilantik Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)', iaitu 16 peratus responden yang menyertainya. Hal ini kerana responden yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 akan berminat menjadi sekarelawan semasa pilihan raya. Responden yang menyertai petugas pilihan raya akan mempunyai pengalaman yang baru dan sekali gus menimba ilmu yang baru berkaitan perjalanan semasa hari mengundi tersebut.

4.2.2 *Pendapat umum mengenai persepsi*

Persepsi politik adalah kegiatan atau perbuatan seseorang dalam memilih, mengatur, dan menginterpretasikan maklumat politik yang wujud bagi menghasilkan sebuah hasil atau gambaran secara keseluruhan tentang politik dengan lebih jelas. Jelaslah bahawa, persepsi amat penting dalam politik kerana dapat menjadi salah satu sebab mengapa pengundi itu memilih parti politik atau calon semasa PRU-15.

JADUAL 2: Pendapat umum mengenai pernyataan Persepsi Politik (Peratus)

Bil.	Persepsi Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Persepsi politik akan mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti politik atau calon yang bertanding.	90	4	6
2.	Persepsi boleh menimbulkan sentimen yang menyebabkan pengundi menjadi emosi dan tidak rasional ketika mengundi.	90	4	6
3.	Maklumat dan pengetahuan daripada media bercetak, elektronik dan media sosial boleh mempengaruhi persepsi seterusnya untuk membuat keputusan politik.	88	4	8
4.	Pengurusan persepsi yang baik dan jelas oleh calon dan parti politik akan memastikan pengundi akan menyokong mereka.	88	6	6
5.	Persepsi politik masih boleh memandu pengundi di Malaysia membuat sesuatu keputusan politik dengan waras dan rasional.	80	10	10

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 2 menunjukkan bahawa pendapat umum mengenai pernyataan ‘Persepsi Politik’ di kawasan kajian. Seramai 90 peratus responden bersetuju bahawa ‘Persepsi politik akan mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti politik atau calon yang bertanding’ kerana rakyat lebih memilih parti atau calon yang memberikan persepsi yang baik kepada mereka. Hal ini terbukti apabila calon daripada PN telah memenangi kerusi semasa PRU-15 di kawasan DUN Kuala Perlis kerana manifesto yang dibentang oleh beliau sangat menarik minat penduduk untuk mengetahui dengan lebih mendalam terhadap cara pimpinannya. Jelaslah menunjukkan bahawa persepsi politik amatlah memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi sokongan pengundi dalam PRU-15 di kawasan DUN Kuala Perlis.

Seterusnya, jadual tersebut juga menunjukkan bahawa pendapat umum mengenai pernyataan ‘Persepsi Politik’ iaitu ‘Persepsi boleh menimbulkan sentimen yang menyebabkan pengundi menjadi emosi dan tidak rasional ketika mengundi’, iaitu 90 peratus responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini kerana sesetengah pengundi hanya mengikut emosi apabila mereka terlalu marah dengan parti atau calon yang bertanding sehingga menyebabkan mereka mengundi parti lain atas sebab ketidakpuasan hati. Sebagai contoh, perkara yang telah berlaku semasa PRU-15, iaitu golongan belia telah mengundi PN kerana mereka terpengaruh dengan pelbagai hasutan daripada media sosial seperti *Tiktok*, *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*. Ada juga yang mengundi PN kerana tidak yakin dengan kepimpinan calon daripada PH. Oleh itu, persepsi yang buruk akan menimbulkan sentimen yang menyebabkan pengundi menjadi emosi dan tidak rasional ketika mengundi.

Akhir sekali, pendapat umum mengenai pernyataan ‘Persepsi Politik’ iaitu ‘Maklumat dan pengetahuan daripada media bercetak, elektronik dan media sosial boleh mempengaruhi persepsi seterusnya untuk membuat keputusan politik’. Seramai 88 peratus responden telah menyetujui pernyataan tersebut. Hal ini disebabkan oleh maklumat yang disiarkan melalui media tersebut dapat mempengaruhi pengundi kerana mereka menganggap perkara tersebut sah dan boleh dipercayai tanpa ada syak wasangka. Jelaslah bahawa, media tersebut mampu mempengaruhi persepsi pengundi di Malaysia termasuklah pengundi di kawasan DUN Kuala Perlis sehingga dapat membuat keputusan yang rasional dalam PRU-15.

4.3 Pengaruh Geopolitik Etnik Terhadap Sokongan Politik

4.3.1 Persetujuan terhadap pernyataan “Saya akan memilih parti politik yang meletakkan calon yang sama etnik dengan saya”

Setiap individu yang mengundi mempunyai pendapat dan pandangan masing-masing terhadap parti atau calon yang bertanding semasa PRU-15. Disebabkan oleh itu, hasil analisis telah mendapati bahawa sebanyak 46 peratus responden bersetuju dengan pernyataan “Saya akan memilih parti politik yang meletakkan calon yang sama etnik dengan saya” manakala 32 peratus responden memilih tidak setuju dan selebihnya sebanyak 22 peratus menyatakan tidak pasti terhadap pernyataan tersebut.

Alasan mengapa responden tidak bersetuju adalah kerana menurut responden etnik tidak penting kerana faktor lain seperti integriti dan kepimpinan yang paling diutamakan dalam memilih calon atau parti yang ingin membentuk kerajaan. Selain itu, responden juga menyatakan bahawa mereka akan memilih calon atau parti berdasarkan manifesto yang dikemukakan semasa bertanding dan bagi mereka juga, pemimpin yang baik akan adil dalam setiap situasi tanpa ada pilih kasih terhadap mana-mana etnik tersebut. Namun ada juga yang menyatakan bahawa, tidak perlu sama etnik pemimpinnya kerana seseorang pemimpin yang adil itu akan melaksanakan tugasnya dengan baik dan tidak berat sebelah walaupun dengan sesame etniknya. Dengan ini, pemilihan pemimpin yang sama etnik masih diperlukan agar dapat memudahkan rakyat untuk berkomunikasi dan berkemungkinan juga tidak memerlukan pemimpin yang sama etnik kerana Malaysia adalah negara yang berbilang etnik.

4.3.2 Pendapat umum mengenai pengaruh Geopolitik Etnik terhadap sokongan politik

Malaysia merupakan negara yang mempunyai etnik yang pelbagai namun bergitu, rakyat Malaysia kurang cakna dengan etnik selain etnik mereka sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, kurangnya pendedahan mengenai pengaruh geopolitik etnik terhadap sokongan politik di Malaysia terutamanya di kawasan DUN Kuala Perlis.

JADUAL 3: Pendapat umum mengenai pernyataan “Pengaruh geopolitik etnik terhadap sokongan politik” (Peratus)

Bil.	Pengaruh Geopolitik Etnik Terhadap Sokongan Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Pemimpin yang seetnik dengan saya lebih mudah untuk berkomunikasi kerana mereka faham dengan pertuturan dan kehendak saya.	80	10	10
2.	Saya lebih selesa dan yakin jika wakil rakyat di kawasan saya adalah sama etnik dengan saya	68	18	14
3.	Parti politik yang meletakkan calon yang etniknya sama dengan majoriti etnik di sesuatu kawasan dipercayai akan mendapat sokongan seterusnya menang di kawasan tersebut.	78	12	10
4.	Geopolitik etnik dapat mempengaruhi sokongan politik pengundi di sesuatu kawasan.	76	6	18

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 3 menunjukkan bahawa pernyataan terhadap “Pengaruh geopolitik etnik terhadap sokongan politik” iaitu ‘Pemimpin yang seetnik dengan saya lebih mudah untuk berkomunikasi kerana mereka faham dengan pertuturan dan kehendak saya’ telah mendapat persetujuan sebanyak 80

peratus responden. Hal ini kerana kebanyakan responden berfikir bahawa pemimpin yang sama etnik dengan mereka dapat memudahkan kerjasama antara rakyat dan pemimpin untuk melakukan sebarang urusan tanpa ada kekangan bahasa dalam berkomunikasi antara satu sama lain. Selain itu, responden turut berpendapat bahawa pemimpin yang sama etnik akan membela nasib pengundi yang sama etnik dengannya. Dapatlah disimpulkan bahawa, pemimpin yang sama etnik dengan pengundi amat disokong agar setiap masalah dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.

Seterusnya, pernyataan terhadap “Pengaruh geopolitik etnik terhadap sokongan politik” iaitu ‘Saya lebih selesa dan yakin jika wakil rakyat di kawasan saya adalah sama etnik dengan saya’ mendapat persetujuan daripada responden sebanyak 68 peratus. Hal ini kerana responden berpendapat mereka lebih rasa selesa dengan pemimpin yang sama etnik dengan mereka kerana tidak terbatas antara satu sama lain untuk membincangkan isu yang sensitif. Selain itu, responden percaya bahawa pemimpin yang sama etnik dengannya akan menjalankan tugas dengan baik, adil dan bertanggungjawab. Sebagai contoh, di kawasan DUN Kuala Perlis, pengundi telah memilih calon daripada PN iaitu Abu Bakar Hamzah kerana mereka percaya bahawa beliau dapat menjaga pengundi di kawasan tersebut dan beliau juga seorang yang terbuka serta mudah untuk bergaul dengan etnik lain selain rakyat yang sama etnik dengannya. Oleh itu, keselesaan antara pemimpin dan rakyat amatlah dititikberatkan agar tiada halangan apabila rakyat ingin menyuarakan sesuatu masalah atau cadangan dan berkiatan penduduk di kawasan DUN Kuala Perlis.

Akhir sekali menunjukkan bahawa pernyataan terhadap “Pengaruh geopolitik etnik terhadap sokongan politik” iaitu ‘Parti politik yang meletakkan calon yang etniknya sama dengan majoriti etnik di sesuatu kawasan dipercayai akan mendapat sokongan seterusnya menang di kawasan tersebut’ mendapat persetujuan sebanyak 78 peratus responden. Hal ini kerana rakyat di kawasan tersebut akan sentiasa memilih pemimpin tersebut apabila keberkesanan kepimpinannya terhasil. Namun sebaliknya tidak semestinya pengundi akan memilih pemimpin itu lagi walaupun sama etnik dengannya jika pemimpin tersebut tidak melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik untuk menjaga rakyat. Oleh itu, pemimpin yang dipilih oleh rakyat bukan sahaja tertumpu kepada etnik sahaja malah juga berdasarkan cara kepimpinan yang ditunjukkan oleh pemimpin tersebut.

Menurut YB Tuan Abu Bakar Hamzah (YB DUN Kuala Perlis, PRU-15), beliau menyatakan bahawa:

“Ya mesti, rakyat akan menilai pemimpin politik sama ada dia membantu atau tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakannya hari ini rakyat sedang melihat dan meneliti, seseorang yang dilantik menjadi pemimpin di kawasan tersebut adakah betul-betul layak untuk memimpin dan membantu rakyat dalam segala hal agar setiap masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat tanpa tertangguh”.

(Tuan Abu Bakar Hamzah, 8 Mac 2023).

Menurut Tuan Nor Azam Karap (Mantan ADUN Kuala Perlis, PRU-15), beliau menyatakan bahawa:

“Ya mesti, sebabnya kawasan undian dalam DUN Kuala Perlis ini mempunyai sekurang-kurangnya 80 peratus pengundi Melayu dan selebihnya adalah kaum Tionghua/Cina lebih kurang 20 peratus dan ia memainkan peranan. Namun, kubu kuat BN di Kuala Perlis ini yang dikatakan kubu kuat Melayu telah berjaya dipecahkan pada PRU-14 yang lalu dan masih juga pada PRU yang baru ini, dimana ada beberapa pihak menggunakan isu tersebut untuk mendapatkan undian daripada pengundi yang berasaskan kaum tersebut.

(Tuan Nor Azam Karap, 21 Mac 2023).

5. Kesimpulan

Akhirnya, kajian yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak terutamanya kepada pengkaji politik di luar sana. Hasil kajian ini dapat merungkaikan dengan lebih mendalam mengenai sejauhmana tahap pengetahuan dan kefahaman responden terhadap konsep geopolitik etnik. Pengkaji juga dapat memahami tingkah laku politik responden yang telah berlaku di kawasan DUN Kuala Perlis tersebut. Oleh itu, adalah menjadi harapan pengkaji agar kajian ini dapat membuka mata semua pihak supaya tidak memandang remeh terhadap tahap pengetahuan dan kefahaman dalam konsep geopolitik etnik yang berlaku di sekitar mereka. Hal ini kerana setiap pengundi akan mempunyai tingkah laku yang berbeza-beza di kawasan tersebut dan ia juga akan menyebabkan berlakunya konflik dalam sesebuah parti politik sehingga menjejaskan perpaduan dalam kalangan pengundi terutamanya semasa menjelang pilihan raya. Adalah terbukti bahawa, kecenderungan politik dalam setiap individu mungkin berpunca daripada pengaruh keluarga, persekitaran, penglibatan dalam organisasi dan sebagainya.

Rujukan

- Dharmala N. S. (2009). *Dari Pra Pasca Merdeka Kronologi Kepimpinan Perlis*. Batu Caves: Thinkers Library Sdn.Bhd.
- Hisham Kamal Othman Kamal, Nor Azizan Idris, Zarina Othman. (2016). Peranan Dan Tanggung Jawab Antarabangsa China Sebagai Negara Berkuasa Besar. *Malaysian Journal of Society and Space* 12 (7):34 – 46.
- János Bíró, László Gulyás & George Kampis. (2016). Political Parties on Facebook. *Procedia Computer Science* 101:107-114.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Ali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Rosmadi Fauzi & Novel Lyndon. (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*: V01 9.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Analisis Geografi Pilihan Raya Negeri Perlis Indera Kayangan, Malaysia. *Geografi* 6(1).
- Junaidi Awang Besar. (2016). Perkaitan sumber maklumat dengan sokongan kepada parti politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 32(1): 47-78.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali, Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 Di Malaysia: Suatu Analisis ‘Tsunami Politik Bandar’. *Malaysian Journal of Society and Space* 10 (28): 28 - 38.
- Junaidi Awang Besar. (2021). Budaya Politik Pilihan Raya di Perlis Dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 43-82. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Khairul Arifin Mohd Munir. (2019). Pasca PRU 14: Analisis Keputusan PRK & Kesannya Terhadap Landskap Politik Malaysia. GE14 and The Year Since: Analyses and Perspectives. Conference Room, Kulliyah of Information and Communication Technology, IIUM Gombak.
- Meesuwan, S. (2016). The effect of Internet use on political participation: Could the Internet increase political participation in Thailand? *International Journal of Asia Pacific Studies* 12 (2): 57–82.

- Mior Kamarulbaid dan Afiqah. (2015). Kesan Penggunaan Media Sosial Terhadap Perpaduan Ummah di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. Perpustakaan Tun Abdul Razak: 620-626.
- Mohamed Mustafa, I., Rohana.Y. & Ravindra, N.V. (2018). *Atlas of political contestation in the 2013 general election in Malaysia: A case of Kedah and Perlis*. Sintok, Kedah: Northern Corridor Research Centre, Universiti Utara Malaysia.
- Najmuddin Mohammad Rasul, Samsudin A. Rahim & Ali Salman. (2015). Penggunaan Media Norma Kewarganegaraan dan Partisipasi Politik dalam Era Transisi ke Demokrasi di Indonesia. *Jurnal Komunikasi*, 31(1), 187-204.
- Rashidi Mohd Nasir. (2014). Pemasaran Politik di Negeri Perlis: Kajian Terhadap Isu-Isu, Calon dan Strategi Berkempen Menjelang Pilihanraya Umum Malaysia Ke-13. Kertas Projek Sarjana. Othman Yeop Abdullah Graduated of School Business, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Rios, A.A. (2015). Political Change in Jalisco, Mexico. *Open Journal of Political Science* 5(1) 40-47.